

KUNJUNGAN HORMAT KOPERASI NSTP DENGAN PENGURUSAN TERTINGGI MEDIA PRIMA BERHAD



April 2024 - Ahli Majlis Tertinggi Koperasi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengurusan Tertinggi Kumpulan Media Prima Berhad di bilik mesyuarat Pengurusan Media Prima Berhad di Bangsar, Kuala Lumpur.

Kunjungan hormat tersebut merupakan platform membincang dan mengeratkan hubungan antara Koperasi NSTP dan Kumpulan Media Prima Berhad terutamanya dalam konteks pembangunan ekonomi dan kebajikan anggota koperasi.

Hadir menerima perwakilan Koop NSTP adalah Encik Mohd Rafiq Mat Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Encik Rosli Sabarudin, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad dan Puan Nor Arzlin Redzwan, Pengurus Besar Kumpulan Sumber Manusia Media Prima Berhad.

Koop Koperasi diwakili oleh Pengerusi Encik Mohd Fadzil Hj Abd Ghani, Setiausaha Encik Abdul Rahim Llin, Bendahari Encik Fazleesham Mohd Yunus dan Pengurus Besar Puan Rodziah Jamaah.



#KOOPNSTP

#KNSTPSMARTSOLUTIONS